

10 MAR 2004

Abdullah-Sokongan

ABDULLAH MAHU RAKYAT TERUS BERKERJA UNTUK KERAJAAN SEDIA ADA

KANGAR, 10 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu rakyat negara ini terus memberi sokongan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) demi masa depan mereka.

Perdana Menteri berkata BN akan terus meningkatkan pembangunan negara yang sebelum ini telah dijana oleh Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Kewajipan saya sebagai Perdana Menteri bukan (setakat) terima kemajuan

(yang dibawa) Tun Dr Mahathir tapi akan tokok-tambah," katanya.

"Dalam BN kita tak bertelagah. Apa yang kita lakukan tak bawa apa-apa masalah," katanya ketika berucap melancarkan Islam Hadhari (Pengurusan

Negara Islam) peringkat negeri Perlis di sini malam ini.

Beliau juga berharap rakyat seiringan dengannya untuk terus membawa pembangunan negara terutama melalui peningkatan ilmu pengetahuan.

"Hanya rakyat yang menguasai ilmu pengetahuan akan mendapat nikmat di negara ini dalam pelbagai bidang," katanya.

Perdana Menteri berkata sejak zaman parti Perikatan hingga kerajaan Barisan Nasional (BN), penekanan sentiasa diberikan ke arah meningkatkan ilmu pengetahuan rakyat termasuk menyemarakkan pembangunan pendidikan.

Abdullah berkata kerana ilmu pengetahuan juga negara ini dikenali malah syarikat petroleum negara, Petronas juga telah mendapat pengiktirafan sebagai antara yang terbaik di dunia.

Pada masa ini, beliau berkata Petronas telah memberi sumbangan kepakaran kepada lebih 20 buah negara.

Perdana Menteri berkata kerana kebijaksanaan kerajaan dan ilmu pengetahuan rakyat negara ini, komoditi seperti kelapa sawit dan getah yang tidak berharga di negara asal mereka telah menjadi antara sumber ekonomi penting negara ini.

Menurutnya pembangunan dan kemajuan negara adalah untuk semua rakyat dan yang demikian, rakyat perlu terus berusaha meningkatkan pengetahuan mereka dalam pelbagai bidang.

Mengenai Islam Hadhari, beliau berkata ia bertujuan memperkenalkan sistem pengurusan negara Islam kepada seluruh rakyat tanpa mengira agama mereka.

Menurutnya Malaysia merupakan negara Islam yang dihormati di dunia kerana pengurusannya.

Turut hadir pada majlis yang dihadiri ribuan penduduk itu ialah Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid.

-- BERNAMA

MZM ABI AD LAT